



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PENDAPATAN DARIPADA
PENGGAJIAN DI ATAS KAPAL**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2023

TARIKH PENERBITAN: 3 OKTOBER 2023



**PENCUKAIAN PENDAPATAN DARIPADA
PENGGAJIAN DI ATAS KAPAL**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 1/2023
Tarikh Penerbitan: 3 Oktober 2023**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 9 Disember 2016

© 2023 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Perolehan Pendapatan	5
6. Layanan Cukai	6
7. Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali	11
8. Dokumen Yang Diperlukan Untuk Pengesahan	11
9. Tanggungjawab Majikan dan Pelaut	12
10. Kemaskini dan Pindaan	13
11. Penafian	14
Lampiran I - Peruntukan yang Disifatkan bagi Pendapatan Penggajian	15
Lampiran II - Penentuan Pengecualian Pendapatan Seorang Pelaut	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berhubung dengan mana-mana peruntukan ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas pendapatan individu yang diperolehi daripada pengajian yang dilakukan di atas kapal.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 4(b), seksyen 7 dan 8, perenggan 13(2)(e) dan perenggan 34, Jadual 6.

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "**Kapal**" bermaksud kapal laut selain daripada feri, tongkang, bot tunda, vesel bekalan, bot anak kapal, laiter, kapal korek, bot nelayan atau vesel lain yang serupa.
- 3.2 "**Kargo**" termasuk mel, mata wang, *specie*, ternakan dan semua jenis barangan.
- 3.3 "**Majikan**", berhubung dengan sesuatu pengajian, bermaksud –
 - (a) tuan, yang mana perhubungan antara tuan dan orang suruhan wujud;
 - (b) jika perhubungan antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji kepada pekerja yang digajikan itu, walaupun orang tersebut dan pekerja itu boleh menjadi orang yang sama yang bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.4 "**Orang**" termasuk sebuah syarikat, suatu kumpulan orang, perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 "**Pekerja**", berhubung dengan sesuatu pengajian, bermaksud –
 - (a) orang suruhan, yang mana perhubungan antara orang suruhan dan tuan wujud;
 - (b) jika perhubungan antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang membentuk pengajian tersebut.

- 3.6 **"Pelaut"** bermaksud mana-mana orang yang bekerja atau berkhidmat di atas kapal, kecuali orang-orang yang tidak bekerja secara langsung untuk mengendalikan kapal dalam bahagian dek, enjin atau katering.
- 3.7 **"Pelayaran"** bermaksud sepanjang masa dan keseluruhan jarak di antara pelabuhan kapal atau tempat berlepas dan pelabuhan akhir atau tempat ketibaan.
- 3.8 **"Pemastautin"** ertinya bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran menurut seksyen 7 atau 8 ACP.
- 3.9 **"Penggajian"** bermaksud –
- (a) Penggajian yang mana perhubungan antara tuan dan orang suruhan wujud;
 - (b) apa-apa pelantikan atau perjawatan, sama ada awam atau sebaliknya dan sama ada atau tidak perhubungan antara tuan dan orang suruhan wujud, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.10 **"Tahun asas"** bermaksud tahun kalendar yang bersamaan dengan tahun taksiran.
- 3.11 **"Vesel"** termasuk mana-mana kapal atau bot atau apa-apa jenis vesel yang digunakan dalam navigasi.

4. Pengenalan

4.1 Kapal laut

- 4.1.1 Kapal laut tidak diberi takrifan dalam ACP. Bagi tujuan KU ini, kapal laut adalah merujuk kepada mana-mana kapal yang belayar melepasi had pelabuhan. Ini adalah selaras dengan takrifan "kapal laut" di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952. Had pelabuhan berbeza mengikut undang-undang kecil setiap pelabuhan dan dikawal oleh pihak berkuasa pelabuhan masing-masing. Kapal laut terlibat dalam pelayaran untuk pengangkutan penumpang dan kargo. Kapal ini boleh mengambil beberapa bulan untuk sampai ke destinasi dan boleh membuat panggilan ke pelabuhan dalam pelayarannya untuk menambah bekalan, bahan api dan lain-lain.
- 4.1.2 Oleh yang demikian, sebuah kapal yang belayar di dalam perairan Malaysia yang tidak melepasi had pelabuhan tidak dianggap sebagai kapal laut.

4.1.3 Sebuah kapal tidak termasuk vesel berikut:

- (i) feri;
- (ii) tongkang atau laiter;
- (iii) bot tunda;
- (iv) vesel bekalan;
- (v) bot krew;
- (vi) kapal korek;
- (vii) bot nelayan;
- (viii) kapal yang berdagang dan/atau beroperasi secara eksklusif dalam pelabuhan di Malaysia;
- (ix) vesel luar pesisir yang mana perkhidmatan utamanya ialah operasi penggerudian untuk penerokaan, eksploitasi atau pengeluaran sumber- sumber di bawah dasar laut dan tidak kebiasaannya terlibat dalam navigasi atau pelayaran antarabangsa;
- (x) Penyimpanan Terapung dan Pemunggaran (PTP), Terapung, Pengeluaran, Penyimpanan dan Pemunggaran (TPPP), atau mana- mana vesel lain yang mempunyai operasi yang serupa;
- (xi) kapal perang atau kapal tentera laut;
- (xii) mana-mana kapal yang dipunyai atau yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri; atau
- (xiii) vesel lain yang serupa.

Contoh 1:

Kapal Sri Langkat dikendalikan oleh Samudera Shipping Sdn Bhd, sebuah syarikat yang mempunyai ibu pejabat di Pelabuhan Sibul dan bermastautin di Malaysia. Kapal Sri Langkat belayar di antara Pelabuhan Sibul dan Pelabuhan Kuching bagi menjalankan operasi perdagangannya.

Kapal Sri Langkat tidak dianggap sebagai kapal laut kerana pelayaran Kapal Sri Langkat tidak melepasi had pelabuhan seperti yang ditentukan mengikut undang-undang kecil pelabuhan masing-masing. Kapal ini hanya melakukan pelayaran dalam perairan Malaysia dan dalam had pelabuhan.

Contoh 2:

Kapal Eagle dimiliki oleh Langkawi Services Sdn Bhd dan beroperasi di Pulau Langkawi, Malaysia. Kapal Eagle menyediakan perkhidmatan pelayaran dari Pulau Langkawi ke Satun, Thailand dan belayar semula ke Pulau Langkawi.

Kapal Eagle tidak menepati takrifan kapal laut kerana vesel ini menjalankan fungsi sebuah feri.

4.2 Pelaut

Untuk mendapatkan kelayakan sebagai pelaut, seseorang perlu mengikuti kursus dan latihan di akademi maritim. Setelah selesai menjalani kursus dan latihan, sijil kelayakan sebagai pelaut dan kad pelaut akan dikeluarkan. Kad pelaut itu membolehkan orang tersebut untuk memohon pekerjaan di atas vesel.

Seorang pelaut yang digaji untuk bekerja di atas sebuah kapal akan belayar berbulan-bulan dan membuat panggilan pelabuhan di negara lain semasa pelayaran. Penggajiannya dijalankan kebanyakannya di atas kapal di lautan terbuka.

Bagi maksud KU ini, pelaut tidak termasuk orang berikut:

- (i) *pilot*¹
- (ii) penguasa, juruukur, juruaudit, inspektor;
- (iii) ahli sains, penyelidik, penyelam, juruteknik luar pesisir pakar, dan lain-lain yang pekerjaannya bukan sebahagian daripada perniagaan rutin kapal itu;
- (iv) seorang yang bekerja di atas kapal semata-mata dalam perkarangan pelabuhan atau di kemudahan pelabuhan;
- (v) juruteknik pembaik dan penyelenggara;
- (vi) anggota bukan marin yang bekerja di bawah perjanjian perkhidmatan khidmat luar, yang mana terma pekerjaan tersebut menentukan syarat-syarat pembekalan pekerja yang diperlukan oleh penyedia perkhidmatan;
- (vii) tentera dan anggota bersenjata; dan
- (viii) krew menunggang sementara.

¹*pilot* bukan ahli krew sebuah vesel, tetapi seseorang yang menaiki kapal untuk membantu mengemudi vesel ke dalam atau ke luar dari pelabuhan.

5. Perolehan Pendapatan

5.1 Di bawah undang-undang percukaian antarabangsa, pendapatan penggajian pelaut boleh dicukai di negara di mana tempat pengurusan yang berkesan pengendali kapal itu terletak. Undang-undang Malaysia di bawah perenggan 13(2)(e) ACP menyatakan bahawa pendapatan kasar berkaitan dengan perolehan atau keuntungan seseorang individu daripada suatu penggajian disifatkan diperolehi dari Malaysia –

- (a) bagi mana-mana tempoh yang mana penggajian dijalankan di atas kapal atau kapal terbang yang digunakan dalam perniagaan; dan
- (b) perniagaan tersebut dikendalikan oleh orang yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran dan dalam tahun asas yang mana tempoh yang disebut dalam subperenggan 5.1(a) atau sebahagian tempoh itu jatuh.

Contoh 3

Adib, seorang warganegara Malaysia adalah pelaut yang bekerja sebagai Jurutera Pertama di atas kapal Gemilang yang belayar di antara pelabuhan di Malaysia dan Eropah. Gemilang dikendalikan oleh Armada Shipping Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pejabat di Kuala Lumpur.

Pendapatan penggajian Adib di atas kapal tersebut disifatkan diperolehi dari Malaysia di bawah perenggan 13(2)(e) ACP kerana pendapatan Adib adalah berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di atas kapal yang digunakan dalam perniagaan Armada Shipping Sdn Bhd yang bermastautin di Malaysia. Oleh itu, pendapatan tersebut tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Contoh 4

Ernesto adalah pelaut warganegara Filipina. Dia bekerja sebagai Ketua Pramugara di atas kapal Bunga Okid yang dikendalikan oleh Seamaster Sdn Bhd, sebuah syarikat yang mempunyai ibu pejabat di Pelabuhan Klang dan bermastautin di Malaysia. Bunga Okid belayar di antara pelabuhan di Malaysia dan Amerika Utara.

Pendapatan penggajian Ernesto di atas kapal tersebut disifatkan diperolehi dari Malaysia di bawah perenggan 13(2)(e) ACP kerana pendapatan Ernesto adalah berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di atas kapal yang digunakan dalam perniagaan Seamaster Sdn Bhd yang bermastautin di Malaysia. Oleh itu, pendapatan tersebut tertakluk kepada cukai di Malaysia.

- 5.2 Pendapatan pelaut daripada menjalankan penggajiannya di atas kapal yang dikendalikan oleh seorang yang tidak bermastautin di Malaysia adalah disifatkan tidak diperolehi dari Malaysia. Oleh itu, pendapatan itu tidak tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Contoh 5

Simon, seorang warganegara Malaysia, bekerja sebagai *Chief Mate* di atas kapal *Pride of Sea* yang dikendalikan oleh Global Shipping Services Inc. Pengendali adalah sebuah syarikat yang mempunyai pengurusan yang berkesan dan kawalan perniagaan di Panama. *Pride of Sea* belayar dari pelabuhan di Eropah ke Asia Pasifik. Ia membuat panggilan pelabuhan di Malaysia setiap tahun untuk memunggah kargo dan pertukaran krew dalam pelayarannya.

Pendapatan Simon daripada pengajian disifatkan tidak diperolehi dari Malaysia kerana pengendali kapal tidak bermastautin di Malaysia dan dengan itu tidak tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Contoh 6

Dimas, seorang warganegara Indonesia bekerja sebagai *Oiler* di atas kapal *Northern Light* yang dikendalikan oleh Norwegian Shipping, sebuah syarikat yang mempunyai ibu pejabat di Oslo, Norway. *Northern Light* belayar dari pelabuhan di Norway ke Asia dan Australia. Ia membuat panggilan pelabuhan di Malaysia untuk memunggah kargo dan menambah bekalan dalam pelayarannya.

Pendapatan Dimas daripada pengajian disifatkan tidak diperolehi dari Malaysia kerana pengendali kapal tidak bermastautin di Malaysia dan dengan itu tidak tertakluk kepada cukai di Malaysia.

Sila rujuk **Lampiran I** untuk memahami dengan lebih lanjut peruntukan yang disifatkan yang berkaitan dalam ACP.

6. Layanan Cukai

6.1 Pengecualian pendapatan daripada pengajian di atas kapal

Perenggan 34, Jadual 6 ACP menetapkan bahawa pendapatan seorang individu yang diperolehi daripada melakukan pengajian di atas kapal dikecualikan daripada cukai jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) pengajian dijalankan di atas kapal yang digunakan dalam perniagaan;

- (b) perniagaan dikendalikan oleh orang yang bermastautin di Malaysia; dan
- (c) orang yang mengendalikan perniagaan mestilah pemilik berdaftar kepada sebuah kapal di bawah OPS 1952.

Contoh 7

Kapten Ariff adalah nakhoda sebuah pengangkut gas asli cecair (LNG) Bintang Terang yang digunakan untuk mengangkut LNG dari Bintulu, Malaysia ke pelabuhan di Jepun dan China. Bintang Terang dikendalikan oleh Bintang Shipping Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia. Ia juga adalah pemilik berdaftar kepada pengangkut LNG itu di bawah OPS 1952.

Bagi tahun 2022, Kapten Ariff belayar di atas kapal Bintang Terang selama 10 bulan untuk menjalankan tugasnya dan dibayar USD80,000 untuk tugasan tersebut.

Kapten Ariff layak mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan pengajiannya di bawah perenggan 34 Jadual 6 ACP kerana Bintang Terang adalah sebuah kapal laut yang digunakan dalam perniagaan pengangkutan kargo. Perniagaan tersebut dikendalikan oleh orang yang bermastautin di Malaysia yang merupakan pemilik berdaftar kapal tersebut.

Contoh 8

Naga Shipping Sdn Bhd adalah sebuah syarikat perkapalan yang bermastautin di Malaysia. Ia menjalankan perniagaan pengangkutan produk pertanian dan industri dari Malaysia ke negara lain melalui laut. Ia memiliki dan mengendalikan sebuah kapal tangki, Kapal Mubin yang didaftarkan di bawah OPS 1952. Di samping itu, ia juga menyewa kapal tangki Flying Fish daripada sebuah syarikat asing untuk kegunaan perniagaannya. Kapal Mubin belayar di antara Malaysia dan negara Oceania manakala Flying Fish belayar di antara Malaysia dan Amerika Utara.

Saiful digaji oleh syarikat itu sebagai Jurutera Pertama di Bahagian Enjin Kapal Mubin. Benjie digaji sebagai Ketua Pegawai Radio di atas kapal Flying Fish. Kedua-dua orang tidak mempunyai sumber pendapatan lain selain pendapatan penggajian daripada syarikat tersebut.

Bagi tahun 2022, Saiful belayar di atas Kapal Mubin selama 11 bulan dan dia telah dibayar USD50,000 untuk pelayaran tersebut. Benjie belayar di atas Flying Fish untuk 9 bulan dan dia telah dibayar USD35,000 untuk pelayaran tersebut.

Pekerja	Nama Kapal	Butiran Kapal
Saiful	Kapal Mubin	• kapal tangki Malaysia • kapal laut • berdaftar di bawah OPS 1952 • kapal dimiliki oleh pengendali perniagaan yang bermastautin di Malaysia
Benjie	Flying Fish	• kapal tangki asing • kapal laut • tidak berdaftar di bawah OPS 1952 • kapal disewa oleh pengendali perniagaan yang bermastautin di Malaysia

- (a) Pendapatan Saiful daripada penggajian yang dijalankan di atas Kapal Mubin layak untuk pengecualian cukai kerana pengendali kapal iaitu Naga Shipping Sdn. Bhd. adalah seorang pemastautin di Malaysia dan juga adalah pemilik berdaftar kapal itu di bawah OPS 1952.
- (b) Pendapatan Benjie daripada penggajian yang dijalankan di atas kapal Flying Fish juga layak untuk pengecualian cukai. Walaupun Flying Fish ialah kapal asing yang disewa, namun kapal tersebut digunakan dalam perniagaan yang dikendalikan oleh orang yang merupakan pemilik berdaftar kepada sebuah kapal di bawah OPS 1952 iaitu Kapal Mubin dan bermastautin di Malaysia. Oleh itu, pendapatannya layak untuk mendapat pengecualian cukai di bawah perenggan 34 Jadual 6 ACP.

6.2 Penggajian yang tidak semata-mata dijalankan di atas sebuah kapal

Seorang pelaut mungkin bukan pekerja tetap sesebuah syarikat. Dia boleh digaji untuk suatu pelayaran tertentu dan penggajiannya dengan syarikat itu tamat apabila dia dilepaskan daripada tugasnya. Dia boleh mengambil rehat selepas pelayaran dan kemudian mencari pekerjaan lain dengan mana-mana syarikat.

Selain bekerja di atas kapal, seorang pelaut juga boleh bekerja di darat, di atas pelantar minyak luar pesisir atau vesel lain.

Contoh 9

Anuar telah diambil bekerja oleh Syarikat Maritim Sdn Bhd (SMSB) sebagai Pegawai Dek pada tahun 2022. SMSB adalah sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan pengangkutan kargo dengan kapal-kapal kontena. Ia adalah pemilik berdaftar suatu kapal kontena di bawah OPS 1952 yang digunakan dalam perniagaannya. Syarikat itu juga telah menyewa beberapa buah kapal kontena daripada sebuah syarikat Singapura.

Kapal-kapal kontena dikendalikan oleh SMSB untuk berulang alik di antara Malaysia dan beberapa pelabuhan di negara asing. Pada tahun tersebut, beliau telah dipinjamkan untuk berkhidmat di pejabat berpangkalan di pantai selama 2 bulan dan kemudiannya meneruskan perkhidmatan di atas sebuah kapal kontenayang dikendalikan oleh SMSB seperti berikut:

Jangka Masa	1.1.2022– 31.5.2022	1.6.2022 – 30.6.2022	1.7.2022 – 31.8.2022	1.9.2022 – 31.12.2022
	5 bulan	1 bulan	2 bulan	4 bulan
Perkhidmatan yang dilaksanakan	Tugas dijalankan di atas sebuah kapal kontena	Cuti bergaji	Tugas dijalankan di pejabat berpangkalan di darat	Tugas dijalankan di atas sebuah kapal kontena
	Jumlah pendapatan daripada penggajian = RM120,000			

Tahun Taksiran 2022

Tugasan dijalankan di pejabat berpangkalan di darat:

Tempoh: 1.7.2022 hingga 31.8.2022 (2 bulan)

(a) Pendapatan penggajian dikenakan cukai:

$$\frac{2 \text{ bulan} \times \text{RM}120,000}{12 \text{ bulan}}$$

$$= \text{RM}20,000$$

(b) Pendapatan penggajian yang layak mendapat pengecualian cukai:

$$= \text{RM}120,000 - \text{RM}20,000 = \text{RM}100,000$$

Contoh 10

Faiz, seorang pelaut membuat pertanyaan di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sama ada pendapatan penggajiannya akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2022. Faiz telah dinasihatkan oleh pegawai LHDNM untuk mengemukakan semua dokumen yang berkaitan dengan penggajiannya dalam tahun 2022. Dokumen-dokumen berikut telah dikemukakan:

- i) Kad pelaut;
- ii) Buku pelaut;
- iii) Kontrak penggajian; dan
- iv) Sijil pendaftaran vesel yang dia telah ditugaskan untuk bekerja.

Pendapatan penggajiannya diperolehi seperti berikut –

- (a) Faiz telah bekerja sebagai Ketua Tukang Masak di Bahagian Katering atas Sea Fortune, sebuah kapal kontena yang mengangkut kargo. Kapal tersebut dimiliki oleh Lautan Services Sdn Bhd, pemilik berdaftar di bawah OPS 1952 dan sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia. Faiz telah ditugaskan untuk pelayaran pergi dan balik dari Pelabuhan Klang, Malaysia ke New York, Amerika Syarikat. Tempoh penggajiannya adalah dari 10.1.2022 hingga 20.7.2022 dan dibayar sebanyak USD25,000 untuk pelayaran itu.
- (b) Selepas kembali dari New York, Faiz berehat sebelum dia mencari pekerjaan dengan syarikat lain. Pada 1.9.2022 hingga 30.11.2022, Faiz telah bekerja sebagai pramugara di atas kapal Bunga Raya. Bunga Raya didaftarkan sebagai **vesel bekalan** di bawah OPS 1952. Pemilik berdaftar kapal tersebut adalah Kapal Services Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia. Faiz dibayar RM40,000 untuk penggajiannya di atas kapal Bunga Raya.

Layanan Cukai

- (i) Pendapatan Faiz daripada penggajian di atas kapal Sea Fortune adalah dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 34, Jadual 6 ACP kerana ia adalah sebuah kapal laut yang dikendalikan oleh Lautan Services Sdn Bhd yang bermastautin di Malaysia dan merupakan pemilik berdaftar Sea Fortune di bawah OPS 1952.
- (ii) Pendapatan Faiz daripada penggajian di atas kapal Bunga Raya dikenakan cukai kerana ia bukanlah sebuah kapal laut.

6.3 Penggajian dengan seorang pengendali yang bukan pemilik berdaftar sebuah kapal di bawah OPS 1952

Jika kapal di mana seseorang individu menjalankan penggajiannya dikendalikan oleh orang yang bermastautin di Malaysia tetapi bukan pemilik berdaftar sesuatu kapal di bawah OPS 1952, pengecualian pendapatan daripada cukai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 34, Jadual 6 ACP tidak terpakai kepada pendapatan penggajiannya.

Contoh 11

Ravi, seorang pelaut warganegara Malaysia, berkhidmat di Bahagian Dek kapal kontena Seagull. Kapal itu didaftarkan dan dimiliki oleh sebuah syarikat di Panama. Seagull disewa dan dikendalikan oleh Ocean Shipping Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia. Ocean Shipping Sdn Bhd tidak memiliki apa-apa kapal yang didaftarkan di bawah OPS 1952.

Pendapatan Ravi yang diperolehi daripada penggajian di atas Seagull tidak layak mendapat pengecualian cukai di bawah perenggan 34 Jadual 6 ACP kerana Ocean Shipping Sdn Bhd bukan pemilik berdaftar mana-mana kapal di bawah OPS 1952 walaupun syarikat adalah sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia.

Sila rujuk **Lampiran II** untuk ilustrasi kelayakan pengecualian pendapatan daripada cukai yang terpakai kepada pelaut.

7. Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

Secara umumnya, model yang diguna pakai oleh Malaysia dalam perjanjian berkenaan dengan penggajian yang dijalankan di atas kapal yang beroperasi di perairan antarabangsa adalah cukai dikenakan di negara pengendali kapal.

Rujukan kepada Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan negara berkaitan perlulah dibuat untuk kepastian.

8. Dokumen Yang Diperlukan Untuk Pengesahan

Seorang pelaut perlu menyokong tuntutan bahawa pendapatannya layak mendapat pengecualian cukai dengan menyediakan dokumen-dokumen berikut sebagai bukti:

- (a) kad pelaut – suatu kad pengesahan bahawa seorang individu adalah pelaut;
- (b) buku pelaut – satu rekod perkhidmatannya di atas semua vesel yang dia ditugaskan untuk menjalankan pekerjaannya;

- (c) kontrak penggajian atau surat pelantikan yang menunjukkan butiran pekerjaannya seperti:
 - (i) pangkat atau jawatan yang dipegang;
 - (ii) tempoh penggajian;
 - (iii) saraan berkenaan dengan tempoh itu;
 - (iv) nama dan jenis vesel dia ditugaskan untuk bekerja;
 - (v) laluan kapal atau pelayaran semasa tempoh penggajian, dan
 - (vi) lain-lain dokumen yang berkaitan
- (d) sijil pendaftaran kapal atau kapal di bawah OPS 1952 yang menunjukkan butiran seperti jenis vesel, pemilik berdaftar dan lain-lain; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang berkaitan.

9. Tanggungjawab Majikan dan Pelaut

Jika pendapatan seorang pelaut tidak layak untuk pengecualian cukai, majikannya hendaklah mematuhi potongan cukai daripada proses saraan di bawah jadual Potongan Cukai Bulanan.

Pelaut dikehendaki untuk memfailkan borang nyata cukai pendapatannya ke pejabat lokaliti LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatannya. Pelaut tersebut akan dikenakan cukai mengikut taraf mastautinnya dalam tahun asas jika pendapatan penggajiannya tidak layak untuk pengecualian cukai.

10. Kemaskini dan Pindaan

	Pindaan dan Kemaskini	
KU ini menggantikan KU No. 12/2016 bertarikh 9 Disember 2016	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penjelasan
	3	Perenggan 3.6 dikemaskini Perenggan 3.8 dikeluarkan
	4	Perenggan 4.1 dikemaskini- penambahan perenggan 4.1.1, 4.1.2 dan 4.1.3
		Perenggan 4.2 dikemaskini
	5	Perenggan 5.1 dan 5.2- nombor contoh dan ayat dikemaskini
	6	Perengan 6.1, 6.2 dan 6.3 - nombor contoh dan ayat dikemaskini - tarikh dalam contoh dipinda kepada tahun terkini
	7	Perenggan 7 dikemaskini
	8	Perenggan 8 dikemaskini
	9	Perenggan 9 dikemaskini
	10	Perenggan 10 ditambah
	11	Perenggan 11 ditambah




11. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

PERUNTUKAN YANG DISIFATKAN BAGI PENDAPATAN PENGGAJIAN



PENENTUAN PENGECCUALIAN PENDAPATAN SEORANG PELAUT

